

Belajar perniagaan **runcit**

» Kios MZS D Niaga UPM latih siswa jadi usahawan muda

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@
mediaprima.com.my

► Serdang

“Kita perlu menganggap perniagaan ini seperti perniagaan sendiri, barulah kita akan berusaha keras untuk meningkatkan keuntungannya,” kata pekerja sambilan, Kios MZS D Niaga, Kolej Tun Perak, Universiti Putra Malaysia (UPM), Nor Hidayati Kassim, 21.

Beliau yang juga Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Bahan UPM berkata, sejak mengendalikan kios berkenaan tahun lalu, banyak perkara dapat dipelajarinya terutama mengenai selok-belok perniagaan runcit.

“Di kios ini, saya belajar menguruskan akaun ringkas, penyediaan stok baharu, menghadapi kerenah pembekal dan pelanggan serta pemba-

lami ilmu keusahawanan,” katanya ketika ditemui di Kios MZS D Niaga, di sini, baru-baru ini.

Pelbagai barangan

Nor Hidayati berkata, sejak penubuhannya, kios berkenaan diusahakan sendiri oleh penghuni Kolej Tun Perak dan menjadi tempat membeli barangan makanan ringan serta keperluan harian utama di kolej itu.

“Barangan paling laris di kios ini ialah minuman terutama apabila selepas aktiviti Kor Sukarelawan Siswa/Siswi (SUKSIS) pada hari Sabtu kerana cuaca panas. Kios ini akan memperuntukkan barangan keperluan seperti bantal, penyapu, penyangkut baju ketika pelajar baharu masuk bagi membantu mereka mempersiapkan diri menghadapi kehidupan di kolej ini.

“Stok barang akan disediakan oleh ketua kios yang dibeli di pasar raya yang

jar memberi galakan, latihan, bengkel serta bantuan dari segi motivasi.

“Saya pernah mengikuti dua kali kursus keusahawanan dan ternyata amat membantu pelajar supaya mempunyai pemikiran kreatif dalam membuka perniagaan masing-masing satu hari nanti.

“Pusat ini juga memberi pendedahan bagaimana proses untuk mendaftar syarikat serta teknik pemasaran terkini yang boleh digunakan pelajar,” katanya.

Pendapatan sampingan

Uniknya di Kios MZS D Niaga, Nor Hidayati berkata, semua keuntungan yang kebanyakannya diberikan semula kepada pengurusan kios dan pekerja sambilan menerusi kegiatan luar seperti anjuran kios selain aktiviti kolej lain.

Katanya, aktiviti berkenaan bagi menghargai segala usaha yang diberikan



Penuntut UPM
dari Kolej Tun Perak
menguruskan kios MZS
D Niaga.

[FOTO KAMARULZAMAN
ARIFFIN/ BH]

hagian masa yang berkesan. Sebagai pelajar, akademik menjadi keutamaan, justeru pembahagian masa antara kerja dan kuliah perlu diselenggara sebaik mungkin supaya tidak menjejaskan prestasi pelajaran.

“Bagaimanapun, bekerja sambilan di kios ini membuatkan saya lebih menghargai masa sambil menda-

menjual secara borong, namun tiada polisi pemulangan semula, jadi bilangannya perlu diselai dengan baik bagi mengelak kerugian akibat banyak barangan tarikh luput,” katanya.

Mengulas mengenai keusahawanan, pelajar berasal dari Rantau Panjang, Kelantan itu berkata, Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar UPM banyak membantu pela-

sepanjang semester untuk pengurusan dan pekerja sambilan di Kios MZS D Niaga.

“Kios ini dibuka sejak 8 pagi hingga 11.30 malam setiap hari dan pekerja dibahagikan kepada beberapa tempoh waktu kerja kebanyakannya dua ke tiga jam sehari. Sejam kami dibayar RM3 dan amat membantu meringankan beban sepanjang menjalani kehidupan sebagai pelajar di kampus.